

**UCAPAN**  
**DATO' SHAZIMAN BIN ABU MANSOR**  
**MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PEMBUKAAN LEBUHRAYA E22**  
**(LEBUHRAYA SENAI-PASIR GUDANG-DESARU)**  
**FASA 1 – DARI SENAI HINGGA PASIR GUDANG**  
**KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2009.**

1. Terlebih dahulu sukacita saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t yang telah mengurniakan segala rahmatnya untuk kita semua dapat bersama-sama meraikan majlis pembukaan Fasa 1 Lebuhraya Senai - Pasir Gudang - Desaru (E22) ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Senai Desaru Expressways Bhd (SDE) kerana sudi menjemput saya ke majlis ini. Pada hari ini, kita semua akan menyaksikan pembukaan satu lagi projek infrastruktur yang cukup signifikan dan amat bermakna untuk pengguna lebuhraya terutamanya di selatan tanah air ini.

2. Saya juga turut ingin mengalu-alukan kedatangan Y.A.B Dato' Abdul Ghani Bin Othman, Menteri Besar Johor Darul Takzim yang telah sudi untuk bersama-sama dengan kita pada hari ini. Ianya adalah bukti kepada hubungan kerjasama yang erat dan kukuh di antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dalam usaha merencana dan merealisasikan projek pembangunan infrastruktur.

3. Kita semua tidak dapat menafikan bahawa Malaysia telah menikmati kesan pembangunan yang berjaya dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat. Pembangunan adalah satu proses perubahan yang berlaku secara berterusan dan menyeluruh, merangkumi unsur-unsur seperti ekonomi, sosial dan kemanusiaan. Inilah antara elemen dan intipati utama yang akan terus dijadikan matlamat akhir Kementerian Kerja Raya selaku agensi pelaksana dasar pembangunan negara. Insya'allah Kementerian Kerja Raya akan terus

melaksanakan peranannya dalam usaha menggerakkan inisiatif modernisasi untuk kesejahteraan rakyat.

4. Lebuhraya E22 ini merupakan satu projek Kerajaan Persekutuan yang antara lain bertujuan untuk menyuraikan kesesakan trafik di Lebuhraya Pasir Gudang. Projek penswastaaan lebuhraya E22 sepanjang 77 km ini dibina melalui konsep bina – kendali – pindah atau build-operate-transfer (BOT) dengan kos keseluruhan bernilai RM 1.4 bilion. Lebuhraya ini akan beroperasi secara sistem tol tertutup. Keseluruhan lebuhraya ini merupakan jajaran yang baru dan kerja-kerja pembinaannya telah dimulakan pada 18 Julai 2005. Saya difahamkan projek pembinaan lebuhraya E22 ini terbahagi kepada tiga pakej iaitu:-

- Pakej 1 - iaitu di antara Persimpangan Linkedua ke Persimpangan Ulu Tiram sejauh 23 kilometer dengan kos pembinaan RM 227.5 juta;
- Pakej 2 - iaitu di antara Persimpangan Ulu Tiram sehingga ke Cahaya Baru dan termasuk jalan penghubung ke Pasir Gudang sejauh 27 kilometer dengan kos pembinaan RM 184 juta ; dan
- Pakej 3 - iaitu dari Persimpangan Cahaya Baru ke Persimpangan Penawar di Desaru sejauh 27 kilometer dengan kos pembinaan RM 531 juta.

5. Pembukaan Fasa 1 Lebuhraya E22 pada hari ini melibatkan Pakej 1 dan Pakej 2 iaitu dari Senai ke Pasir Gudang di mana kerja-kerja pembinaan bagi kedua-dua pakej ini telah siap pada 3 September 2009. Pembinaan Pakej 1 dan 2 Lebuhraya E22 ini melibatkan kerja-kerja pembinaan:-

- Lorong dua hala sepanjang 50 km dari Senai hingga ke Pasir Gudang dengan kelebaran 3.65 meter;
- 20 buah *land bridges*;

- Lima jambatan merentasi sungai;
- Tiga buah plaza tol iaitu plaza tol Senai, Ulu Tiram dan Cahaya Baru;
- Dua kawasan rehat dan rawat (R&R) iaitu R&R Layang Timur dan Barat; dan
- Lima buah persimpangan bertingkat iaitu Persimpangan Bertingkat Lebuhraya Linkedua, Persimpangan Bertingkat Senai, Persimpangan Bertingkat Ulu Tiram, Persimpangan Bertingkat Cahaya Baru dan Persimpangan Bertingkat Pasir Gudang.

6. Bagi memastikan keselesaan kepada penduduk, Lebuhraya E22 ini telah dilengkapi dengan *noise barriers* untuk mengurangkan kesan bunyi aliran trafik di kawasan perumahan berhampiran iaitu Taman Bintang Utama, Kampung Pemuda Jaya, Taman Bestari Indah, Taman Bukit Jaya dan beberapa kawasan lain. Saya menyarankan agar semua pihak khususnya pemaju yang terlibat dengan projek infrastruktur agar mencontohi inisiatif yang di ambil oleh pihak SDE Bhd ini.

7. Ingin juga saya tekankan di sini bahawa Kementerian Kerja Raya sentiasa memastikan elemen pemeliharaan alam sekitar dalam semua projek pembangunan sentiasa di titik beratkan untuk kepentingan semua. Kita tidak mahu aliran pertumbuhan projek yang tidak seimbang dan akhirnya menjejaskan keseimbangan ekosistem sedia ada.

8. Dengan siapnya Lebuhraya E22 ini, para pengguna yang menuju ke Senai, Ulu Tiram, Kota Tinggi, Cahaya Baru, Tanjung Langsung dan Pasir Gudang kini mempunyai laluan alternatif baru yang lebih cepat, selesa dan selamat. Saya juga yakin dan percaya bahawa jajaran ini akan membantu mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di Lebuhraya Pasir Gudang yang selama ini menjadi rungutan ramai. Sepertimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum,

salah satu faktor yang menyumbang kepada masalah kesesakan adalah berpunca daripada kenderaan berat yang menggunakan lebuh raya ini untuk ke Pelabuhan Pasir Gudang.

9. Di samping mengurangkan kesesakan trafik dan meningkatkan keselesaan pengguna, Lebuh raya E22 ini juga menghubungkan hub pengangkutan udara di Senai dan pelabuhan di Tanjung Langsat dan Pasir Gudang. Ini secara tidak langsung akan mewujudkan satu mod pengangkutan yang lebih efisien yang turut boleh menarik kemasukan pelabur asing ke negeri Johor. Pembukaan lebuh raya ini akan memendekkan masa perjalanan dari Pasir Gudang ke Senai dan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai iaitu kira-kira 25 minit sahaja berbanding 1 jam jika menggunakan laluan sedia ada.

10. Adalah menjadi harapan saya supaya SDE Bhd dapat menjalankan budaya kerja-kerja penyenggaraan dan perkhidmatan yang terbaik semasa beroperasi kelak bagi memastikan kepuasan pengguna lebuh raya ini sentiasa terjamin. Dalam erti kata lain, mutu penyampaian perkhidmatan harus ditingkatkan demi memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada pengguna lebuh raya selaras dengan konsep **Satu Malaysia: “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”**.

11. Atas keprihatinan Kerajaan, suka saya maklumkan di sini bahawa kerajaan dan syarikat konsesi SDE Bhd telah bersetuju untuk tidak mengenakan tol bagi lebuh raya ini selama sebulan bermula pada hari ini sehingga 9 Oktober 2009. Ini bermakna pengguna lebuh raya ini boleh menggunakan lebuh raya ini secara percuma untuk tempoh tersebut. Atas dasar ini, saya menyeru kepada semua pengguna agar menggunakan Lebuh raya E22 yang moden dan baru ini sebagai pilihan utama dalam membuat perjalanan samada bercuti ataupun ke tempat kerja.

12. Akhir kata, saya berharap Lebuhraya E22 ini dapat memberi manfaat bukan sahaja dari segi ekonomi, tetapi juga memberikan perkhidmatan pengangkutan yang lebih baik kepada rakyat di sekitarnya. **Terima kasih.**